

Mengapa pencemaran sungai masih berlaku?

ISU pencemaran sungai masih diperkatakan. Selepas isu pencemaran ammonia daripada air resapan kumbahan (*leachate*) kawasan tapak pelupusan sampah yang terletak berhampiran Sungai Langat, timbul pula isu pencemaran Sungai Kelantan akibat daripada aktiviti pembalakan serta pembangunan yang tidak terkawal.

Sungai yang pada suatu ketika dulu kaya dengan kehidupan akuatik serta menjadi sumber rezeki manusia, tempat rekreasi mahupun sebagai sumber bekalan air, kemungkinan menjadi sebaliknya sekiranya pihak-pihak yang terlibat tidak mempunyai komitmen langsung terhadap kepentingan anugerah Ilahi ini.

Sehubungan itu, satu sistem yang menyeluruh untuk mengurus alam sekitar khususnya sungai adalah sangat diperlukan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan aktiviti pembangunan, pembalakan, pertanian mahu pun perindustrian.

Walaupun Perdana Menteri telah menyuarkan kepentingan sungai ditekankan dalam misi nasional dan peruntukan untuk mengatasi pencemaran sungai turut disediakan dalam bajet RMK-9, namun

inisiatif yang disediakan kemungkinan tidak meninggalkan sebarang kesan sekiranya sistem pengurusan alam sekitar yang menyeluruh tidak disediakan.

Ini ialah kerana kerja pembersihan sungai akan dijalankan di sungai-sungai yang tercemar dan bukannya di punca di mana pencemaran itu berlaku.

Sebagai contoh, sekiranya aktiviti pertanian dan pembalakan tidak menyediakan langkah-langkah tebatan untuk mengawal hakisan tanah seperti penyediaan kolam-kolam perangkap mendap, penyediaan zon penampungan dan sebagainya, maka jumlah pepejal terampai yang menyebabkan kekecurahan air dan bahan toksid buangan aktiviti pertanian akan meningkat, justeru mengakibatkan pencemaran.

Sekalipun ada di antara penggerak projek yang menyediakan langkah-langkah kawalan yang diperlukan, namun pencemaran tetap boleh berlaku sekiranya penggerak-penggerak projek lain tidak memberi perhatian yang serupa di peringkat masing-masing, apatah lagi kalau aktiviti mereka berada di sebelah hulu sungai.

Dalam hal ini, komitmen penggerak

projek yang bertanggungjawab akan menjadi sia-sia sahaja manakala peruntukan yang telah dilaburkan untuk mengawal pencemaran tidak memberi pulangan malah pembaziran belaka kerana sungai yang satu turut dicemari oleh banyak pihak.

Namun sebaliknya, jika kesemua penggerak projek mempunyai sistem pengurusan alam sekitar masing-masing, sudah tentu kualiti sungai menjadi lebih terjamin dan secara tidak langsung pemantauan dan penguatkuasaan daripada agensi-agensi yang berkaitan boleh dikurangkan.

Ini juga menguntungkan dalam jangka masa yang panjang kerana semua pihak telah memberi kerjasama dalam memelihara dan memulihara alam sekitar sejajar dengan komitmen dalam pelan-pelan rancangan kerajaan serta deklarasi negara di peringkat antarabangsa.

Memandangkan sikap sesetengah masyarakat kita yang susah untuk memberi kerjasama memelihara alam sekitar kecuali ia menjadi satu undang-undang, maka kerajaan disarankan untuk mewajibkan semua organisasi sama ada agensi awam mahupun swasta mewujudkan satu sistem

pengurusan alam sekitar seperti MS ISO 14001 di peringkat masing-masing.

Sekiranya sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001 boleh diwajibkan, maka sistem pengurusan kualiti alam sekitar MS ISO 14001 juga boleh dilaksanakan.

Sekiranya sistem sedemikian diwujudkan, bukan sahaja isu-isu alam sekitar seperti pencemaran sungai boleh dikawal, bahkan pencemaran yang melibatkan persempadanan seperti jerebu mampu diatasi secara kolektif sama ada dalam negara mahupun di peringkat global.

Sudah sampai masanya semua pihak memberi penekanan terhadap sistem pengurusan alam sekitar untuk meningkatkan lagi kualiti alam sekitar agar menjadi lebih kondusif untuk rakyat serta generasi yang akan datang.

Seperti ungkapan popular aktivis serta pencinta alam sekitar bahawa "kita tidak mewarisi dunia ini daripada kedua orang tua kita tetapi kita meminjamnya daripada anak cucu kita".

**- DR. ROSLAN MD TAHA,
Kuala Lumpur.**